

Istiadat catat sejarah baharu selepas kali terakhir diadakan 55 tahun lalu

Sultan Ibrahim dimahkota Sultan Johor

■ JOHOR BAHRU 23 MAC

SULTAN Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar hari ini bukan sahaja mencatat sejarah baharu, malah meneruskan tradisi Kesultanan Johor Moden apabila dimahkotakan sebagai Sultan Johor selepas kali terakhir upacara itu diadakan pada 1960.

Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor yang diadakan dengan gemilang, penuh tradisi dan mengikut adat istiadat Kesultanan Johor itu berlangsung di Istana Besar, di sini.

Dalam istiadat yang bermula pukul 10 pagi itu, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah turut dimahkotakan sebagai Permaisuri Johor, gelaran yang pertama kali digunakan di negeri ini.

Istiadat Kemahkotaan itu dimulakan dengan Sultan Ibrahim dan Raja Zarith Sofiah berangkat memasuki Bilik Singahsana dengan pasangan diraja itu lengkap memakai kain pelayang berwarna biru gelap.

Sejurus itu, lagu *Bangsa Johor* dimainkan sebelum Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menghadap untuk menyembahkan pemasyhuran, sekali gus berseru memaklumkan pemahkotaan.

Majlis diteruskan dengan Yang Dipertua Jumaah Majlis Diraja Johor, Datuk Abdul Rahim Ramli memohon perkenan supaya Sultan Ibrahim dan Raja Zarith Sofiah dimahkotakan dengan pemakaian Mahkota Sultan dan Yang Dipertuan Johor dan Mahkota Permaisuri Johor.

Sultan Ibrahim kemudiannya melafazkan ikrar dan diikuti bacaan ayat suci al-Quran serta khutbah oleh Timbalan Mufti Johor, Datuk Yahya Ahmad sebelum Istiadat Kemahkotaan disempurnakan oleh Mufti Johor, Datuk Tahir Samsuddin.

Tahrir kemudiannya menatang Mahkota Kerajaan sebelum meletakkannya di kepala Sultan Ibrahim dan diikuti peletakan Mahkota Permaisuri di kepala Raja Zarith Sofiah dengan diiringi bacaan selawat.

Serentak itu, 21 das bedilan meriam dilepaskan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan diiringi lagu *Bangsa Johor* dan Yahya membacakan doa selamat.

Istiadat itu diteruskan dengan



SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR dan Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah bergambar semasa Istiadat Kemahkotaan di Istana Bukit Serene, Johor Bahru, semalam.

Majlis Menghadap Takzim yang dimulakan dengan Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan isteri, Che' Puan Khaleeda Bustamam serta putera dan puteri Sultan Ibrahim yang lain.

Sultan Ibrahim juga menerima menghadap adinda baginda, Tunku Aris Bendahara, Tunku Abdul Majid Sultan Iskandar dan isteri Tunku Teh Mazni Yusuf yang mewakili kerabat diikuti Mohamed Khaled dan isteri, Datin Seri Rosni Omar sebagai wakil kerajaan negeri serta Abdul Rahim mewakili Jumaah Majlis Diraja Johor.

Selesai Majlis Menghadap Takzim, lagu *Bangsa Johor* sekali lagi berkumandang diikuti keberangkatan Sultan Ibrahim dan Raja Zarith Sofiah ke Anjung Istana bagi menyaksikan lintas hormat udara.

Lintas hormat udara yang melibatkan tujuh helikopter jenis Eurocopter EC725, Super Lynx dan Augusta Loh A109, dengan tiga daripada helikopter berkenaan membawa bendera Johor sambil melepaskan asap putih, biru dan merah - simbolik bagi warna bendera Johor.

Selesai upacara lintas hormat, kedengaran laungan 'Daulat Tu-

anku' dan Sultan Ibrahim serta Raja Zarith Sofiah berangkat untuk perarakan diraja menggunakan kereta Mercedes-Benz 600 melibatkan perjalanan sejauh kira-kira lapan kilometer dari Istana Besar ke Istana Bukit Serene.

Yang turut menyertai perarakan itu Tunku Tun Aminah; Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar; Tunku Laksamana Johor, Tunku Abdul Jalil; Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman dan Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar sebelum kenderaan diraja berangkat pulang ke Istana Bukit Serene.

Turut mencemar duli berangkat menghadiri Istiadat Kemahkotaan itu ialah Sultan Brunei, Sultan Has-sanal Bolkhiah dan isteri, Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha; Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah dan Sultanah Pahang, Sultanah Kalsom Abdullah; Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin dan Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah.

Yang turut hadir Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah, Tunku Sallehudin Sultan Badlishah dan isteri, Tengku Maliha Tengku Ariff; Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Abdul Taib Mahmud dan isteri,

Toh Puan Raghad Kurdi Taib; Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin dan isteri, Ton Puan Norlidah Jasni; Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Khalil Yaakob dan isteri, Toh Puan Zurina Kassim dan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman dan menteri-menteri turut hadir.